

LAPORAN SUKAN GRAND PRIX OLAHRAGA MASUM 2009 DI UPM

Oleh ; Mohd Hafeez Nordin



Pada 6 hingga 8 March 2009, Kejohanan Olahraga Grand Prix MASUM 2009 telah diadakan dengan meriah di Unverisiti Putra Malaysia (UPM). Pasukan UniMAP telah disertai oleh 19 orang atlet olahraga dengan 13 atlet lelaki dan 6 atlet wanita. Pasukan UniMAP telah berjaya membawa pulang 2 gangsa iaitu dari Pubalan A/L Nadaraja dalam acara 10KM Jalan Kaki (REKOD MASUM 10Km Jalan kaki masih milik Pubalan A/L Nadaraja yang dicipta tahun 2006 di UKM) dan satu lagi gangsa dari kuartet 4x400m Lelaki yang dianggotai oleh Theban Raj A/L Arumugam, Mohd Esmiramin Ali, Kassim Abdul Rahman, Mohd Fitri Ishak, Murrali A/L Elanko dan Vasanthan A/L Maruthapillai. 12 atlet UniMAP yang menyertai kejohanan ini merupakan kali pertama penyertaan dan berjaya mengatasi catatan masa atau jarak yang dilakukan di Sukan UniMAP 2009 seminggu sebelum Kejohanan Ini. Mereka ini juga merupakan kebanyakan pelajar tahun 1 UniMAP. Pada Kejohanan Kali ini atlet-atlet UniMAP juga telah berjaya melayakkan diri ke Peringkat Akhir kebanyakannya acara dan ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan kerana tahun-tahun sebelum ini ia begitu sukar untuk layak ke akhir dan mendapat tempat dalam akhir. Kebanyakan acara yang kita layak ke akhir merupakan kali pertama dalam MASUM terutamanya acara 4 x100m lelaki dan 4x400m lelaki. Pasukan 4 x 400m lelaki telah mendapat tempat pertama dalam separuh akhir dan mendapat tempat ke-3 dalam akhir. Catatan larian semua pelari kuartet 4x400m yang membuat masa terbaik telah membawa hasil. Kejohanan kali ini turut disertai pemenang-pemenang Sukan Sea, AUG 2008, SUKMA, dan MSSM sebelum ini. Kita juga telah kehilangan penyertaan beberapa atlet-atlet UniMAP yang berwibawa kerana masalah peribadi dan pelajaran. Jika kita mula melatih atlet-atlet baru yang berjaya dalam Sukan UniMAP 2009 dan MASUM 2009, kita berupaya bersaing untuk kedudukan lima teratas atau tiga teratas pada tahun-tahun akan datang. UMS dan UPSI yang merupakan pasukan bukan pilihan, kali telah berjaya memenangi banyak acara dengan latihan yang gigih selama beberapa bulan sebelum kejohanan ini.